

3756/2

Prinsip Perakaunan

Kertas 2

2½ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____

SET 2

----- NAMA SEKOLAH -----

MODUL STRATEGI A+ PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam Buku Jawapan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. **Kertas peperiksaan dan buku jawapan ini hendaklah di serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Bahagian A

[60 markah]

Jawab *semua* soalan

- 1 (a) Maklumat di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Subbidang Perakaunan	Fungsi
X	Meliputi kerja memeriksa dokumen perniagaan dan rekod kewangan untuk mengesahkan rekod maklumat perakaunan adalah betul dan tepat.
Y	Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan kepada pengguna dalaman dan pengguna luaran untuk membuat keputusan.

Apakah X dan Y?

[2 markah]

- (b) Nyatakan dokumen yang digunakan untuk merekod urus niaga berikut:

- (i) Pemilik membayar yuran tuisyen anaknya menggunakan wang perniagaan.
- (ii) Pihak bank memaklumkan kepada peniaga tentang caj bank yang dikenakan ke atas perniagaan.

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut adalah berkaitan belanjawan tunai.

	RM
Baki awal	2 500
Jumlah penerimaan	11 400
Baki akhir	5 410

Hitungkan lebihan atau kekurangan.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Alam Sekitar.

	1 Jun 2024	31 Mei 2025
	RM	RM
Yuran Belum Terima	580	-
Yuran Belum Terperoleh	-	200

Maklumat tambahan:

Yuran RM8 550 telah diterima bagi tahun berakhir 31 Mei 2025.

Berapakah jumlah yuran ahli yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

[2 markah]

- (e) Siti dan Mariam telah menetapkan tempoh perkongsian mereka selama 5 tahun. Pada akhir tempoh tersebut, mereka tidak mahu meneruskan perkongsian.

Nyatakan **dua** sebab lain yang boleh menyebabkan perkongsian dibubarkan.

[2 markah]

- 2 Maisarah memulakan perniagaan pada 1 Ogos 2023 di Skudai, Johor. Beliau ialah pemilik perniagaan milikan tunggal Almydaz Enterprise yang menjual barangan dekorasi. Berikut adalah maklumat yang diambil daripada buku perniagaannya.

1 Ogos 2024	RM
Inventori	5 400
Modal	40 100
Susut nilai terkumpul alatan	1 600
Susut nilai terkumpul perabot	1 040
31 Julai 2025	
Angkutan masuk	400
Komisen diterima	1 800
Angkutan keluar	1 300
Tunai	160
Bank	15 010
Akaun Belum Terima	5 880
Akaun Belum Bayar	7 590
Peruntukan hutang ragu	200
Ambilan	3 160
Belian	76 760
Jualan	97 364
Pulangan jualan	240
Perabot (kos)	10 400
Kadar bayaran	970
Promosi	1 180
Hutang lapuk	260
Belanja am	1 024
Gaji	10 600
Insurans	950
Alatan (kos)	16 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 31 Julai 2025, inventori yang dinilai pada harga kos sebanyak RM6 420 adalah melebihi RM220 berbanding harga pasaran.
- (ii) Mulai 1 April 2025, perniagaan menerima komisen RM300 sebulan.
- (iii) Gaji belum bayar RM1 500.
- (iv) Polisi susut nilai Aset Bukan Semasa:

Alatan dan perabot disusutnilaikan masing-masing pada kadar 20% setahun dan 10% setahun atas kos.
- (v) Pada 31 Oktober 2024, semua perabot telah dijual secara tunai dengan harga RM10 000. Perabot tersebut telah dibeli pada 1 Ogos 2023. Tunai yang diterima telah dibankkan. Maklumat ini belum direkodkan di mana-mana buku.
- (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 5% atas Akaun Belum Terima.
- (vii) Hasil daripada jualan tunai RM2 400 pada 31 Julai, sebanyak RM400 telah digunakan untuk membayar belanja am dan bakinya digunakan untuk membayar sewa bagi bulan Julai dan Ogos 2025.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2025.
[14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2025.
[11 markah]

3 Arif dan Faiz adalah pekongsi dalam Perkongsian Arfa yang beroperasi di Tangkak, Johor.

Ikatan Perkongsian mereka adalah seperti berikut:

- Kongsi untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah 2:1.
- Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- Faedah atas ambilan 8% setahun.
- Gaji tahunan RM35 000 diperuntukkan kepada Arif bermula 1 April 2025.

Baki pada 1 Julai 2024

	Arif RM	Faiz RM
Akaun Modal	100 000	50 000
Akaun Semasa	10 400	3 900
Pinjaman daripada pekongsi (matang Jun 2025)	30 000	

Pada 30 Jun 2025 baki-baki berikut diperoleh daripada buku perkongsian.

	RM
Pinjaman bank	60 000
Bank	56 400
Inventori	42 809
Bangunan (kos)	90 000
Kenderaan (kos)	82 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	15 580
Akaun Belum Bayar	24 975
Akaun Belum Terima	86 250

Maklumat tambahan :

(i) Ambilan pekongsi menggunakan cek :

Arif	RM10 000	1 Oktober 2024
Faiz	RM15 000	1 April 2025
	RM12 000	1 Jun 2025

(ii) Pada 30 Jun 2025 untung bersih RM108 602. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.

- Insurans prabayar RM420
- Komisen diterima tertinggal catat RM1 000.
- Faedah belum bayar:
 - Faedah untuk sebulan bagi pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun.
 - Faedah pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke akaun semasa Arif.
- Baki Akaun Belum Terima RM2 800 di anggap sebagai hutang lapuk.
- Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.
- Pinjaman bank RM60 000 berkadar faedah 7% setahun bermula 1 Julai 2024 dan matang pada 30 Jun 2035.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata menghitung untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [7 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (Ekuiti pemilik sahaja) [2 markah]



Bahagian B

[40 markah]

Jawab **dua** soalan daripada bahagian ini

- 4 (a) Encik Zakuwan pemilik Syarikat Sejati Sdn Bhd menerima Penyata Bank bulan Julai 2025. Beliau mendapati bahawa baki Penyata Bank berbeza dengan baki Buku Tunai adalah seperti berikut:

Bank Berjaya Berhad No 5, Jalan Abdullah, 84000 Muar SYARIKAT SEJATI SDN BHD No 3, Jalan Jabbar, 84150, Muar, Johor. PENYATA BANK No. Akaun : 005550097682 Tarikh : 31 Julai 2025					
Tarikh	Keterangan	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2025			RM	RM	RM
Jul 1	Baki				18 200
3	Cek	767950	3 800		14 400
4	Deposit			6 800	21 200
7	Cek	767949	3 200		18 000
8	Cek	767948	900		17 100
12	Deposit			8 380	25 480
13	Insurans – Arahan tetap		600		24 880
14	Dividen – CINB Berhad			1 200	26 080
20	Cek	767952	360		25 720
21	Cek	767951	6 700		19 020
24	Caj bank		70		18 950
26	Cek	767953	4 500		14 450
27	Deposit			3 000	17 450

Buku Tunai (ruangan bank)

2025	RM	2025	No. Cek	RM
Jul 1 Baki b/b	14 100	Jul 2 Belian	767950	3 800
4 Jualan	6 800	18 Alatan pejabat	767951	7 600
10 Sinaran Berhad	8 380	19 Suraya Enterprise	767952	360
13 Kho Kho Holding Bhd	840	23 Pemborong Jati	767953	4 500
25 Jualan	3 000	28 Belanja runcit	767954	500
29 Nirwana Trading	1 928	29 Belian	767955	3 450
		31 Baki h/b		14 838
	35 048			35 048
Ogos 1 Baki b/b	14 838			

Maklumat tambahan:

- (i) Cek No. 767951 tersalah rekod di Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 13 Julai 2025 telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “*Rujuk Penyuruh Bayar*”.

Anda dikehendaki :

- (i) Kemaskini Buku Tunai. [7 markah]
- (ii) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2025. [5 markah]

- 4 (b) Maklumat urus niaga yang berikut diambil daripada buku Kedai Salun Salmah pada bulan Julai 2025.

2025 Julai	
1	Menerima cek RM300 daripada ketua juruwang untuk memulakan Buku Tunai Runcit.
4	Membeli kertas dan dakwat pencetak RM40.
6	Membayar pos laju RM35.
7	Menerima cek daripada Hariss bernilai RM3500. Diskaun diberi RM250.
8	Belian barang niaga RM580 dan dibayar dengan cek.
9	Mengirim surat berdaftar RM20.
10	Membayar premium insurans sebanyak RM500 dengan tunai.
11	Membayar belanja membaiki tingkap pejabat RM1500.
15	Memberi pinjaman kepada seorang pekerja am sebanyak RM60.
23	Membaiki lampu pejabat RM15.
26	Membeli alas meja pejabat RM35

Anda dikehendaki :

- (a) **Menyediakan** Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2025 dengan menunjukkan analisis pembayaran alat tulis, belanja pos, belanja pejabat dan pelbagai.
- (b) Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Ogos 2025.

[8 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat HK Maju Sdn Bhd, pengeluar pakaian kanak-kanak.

	RM
Utiliti kilang	10 800
Sewa kilang	36 000
Gaji pengurus kilang	48 000
Gaji kerani pejabat	18 000
Susut nilai loji dan mesin	10 000
Bahan langsung	4.00 sehelai
Buruh langsung	7.00 sehelai
Harga jualan	21.00 sehelai

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos tetap. [2 markah]
- (ii) Titik pulang modal. [2 markah]
- (iii) Titik pulang modal jika harga jualan meningkat sebanyak RM10.00 sehelai. [2 markah]
- (iv) Lakar graf Titik Pulang Modal berdasarkan jawapan di 5 (a) (ii)
Label kawasan untung dan rugi. [6 markah]

- 5 (b) (i)** Pada 1 Julai 2025 , Syarikat Jasa Bhd. telah menerbitkan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup 15 Julai 2025, cek yang diterima berjumlah RM3 600 000. Terdapat kurangan langganan syer. Wang kurangan langganan syer ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 31 Julai 2025.

Rekodkan terbitan syer dan penerimaan wang daripada pelabur dalam **Jurnal Am**.

(Keterangan tidak diperlukan)

[6 markah]

- 5 (b) (ii)** Modal syer Syarikat Budi Bhd adalah seperti berikut:

Modal diterbitkan dan berbayar penuh:

2 000 000 unit 10% Syer Keutamaan RM4 000 000

2 000 000 unit Syer Biasa RM2 000 000

Keuntungan syarikat bagi 2 tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (RM)
2023	200 000
2024	600 000

Hitungkan dividen bagi pemegang Syer Keutamaan pada tahun 2024.

[2 markah]

- 6 Puan Amirah adalah pemilik Perniagaan Seri Elrah yang beroperasi di Iskandar Puteri, Johor. Berikut adalah baki-baki aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 1 Ogos 2025.

	RM
Perabot	32 800
Alatan Pejabat	12 500
Bank	21 500
Akaun Belum Terima	8 650
Inventori	12 500
Modal	?
Untung Bersih	17 680
Akaun Belum Bayar	13 420

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Ogos 2025.

- (i) Beli barang niaga secara kredit RM3 500 daripada Pembekal Umar.
- (ii) Membayar Akaun Belum Bayar RM5 720 dengan cek dan terima diskaun RM300.
- (iii) Jual 1/4 daripada barang niaga secara kredit kepada Kedai Runcit Jamal pada harga RM4 550.
- (iv) Kedai Runcit Jamal memulangkan barang niaga berharga RM350 kerana rosak. Barang niaga tersebut berkos RM300.
- (v) Terima cek daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM4 000.
- (vi) Pemilik membawa masuk meja peribadi bernilai RM480 ke dalam perniagaan.
- (vii) Sekeping cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima RM700 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (viii) Sebuah komputer lama bernilai RM2 500 telah dijual dengan harga RM1 800. Wang yang diterima telah digunakan untuk membayar sewa kedai RM1 300 dan bakinya dibankkan.
- (ix) Pemilik telah mengeluarkan cek RM350 untuk membayar yuran tuisyen anaknya.
- (x) Susut nilai perabot RM1 500.

Anda dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang disediakan bagi menunjukkan kesan setiap urus niaga.

[17 markah]

- (b) Berdasarkan urus niaga (iii), (v) dan (ix) di atas, nyatakan kesan urus niaga tersebut ke atas untung bersih.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Ruang jawapan Soalan 6 (a):

Jadual persamaan perakaunan

Urus niaga	ASET					EKUITI PEMILIK + LIABILITI			
	Perabot	Alatan Pejabat	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Modal	Untung bersih	Ambilan	Akaun Belum Bayar
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
(viii)									
(ix)									
(x)									
Jumlah									